

18/08/1997

Pemimpin tiada niat nafi hukum agama Islam

LANGKAWI, Ahad - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kepemimpinan negara tidak pernah berniat menafikan pelaksanaan hukum Islam dan undang-undang syariah di negara ini.

Bagaimanapun katanya, kerajaan, terutama Umno berpendapat pelaksanaan undang-undang syariah perlu menggunakan pendekatan berdasar kepada keadaan di negara ini secara keseluruhan.

Menurutnya, adalah penting mengambil kira suasana di negara ini dengan berlandaskan kefahaman sebenar sistem pentadbiran dan politiknya, dalam melaksanakan hukum Islam dan undang-undang syariah.

Sambil menegaskan bahawa kepimpinan negara, terutama Umno tidak pernah mempersoalkan undang-undang syariah dan hukum Islam, Anwar berkata, yang dipertikaikan ialah tafsiran dan kefahaman mengenainya oleh sesetengah pihak.

"Ada yang membuat andaian kononnya pemimpin Umno bersikap negatif terhadap pendekatan dan prinsip Islam, terutama pelaksanaan undang-undang syariah.

"Tidak pernah timbul soal sikap dan kepemimpinan negara serta Perdana Menteri mempertikaikan undang-undang syariah dan hukum Islam.

"Yang dipertikaikan ialah tafsiran dan kefahaman serta corak pelaksanaannya. Ia perlu sesuatu yang baik dan relevan untuk Malaysia," katanya ketika merasmikan Konvensyen Umno Kedah, di sini, malam tadi.

Beliau merujuk kepada kekeliruan berhubung pendirian dan pendekatan Umno terhadap pelaksanaan undang-undang syariah yang dipersoalkan sesetengah pihak.

Anwar juga berkata, selain mengambil pendekatan berdasarkan kepada kefahaman, pelaksanaannya perlu dikaji secara teliti dan menerusi perbincangan dengan ulama.

"Yang penting ialah mengenai apa matlamat pelaksanaannya dengan menurut urutan mengikut keutamaan. Antara keutamaannya ialah kemurniaan jiwa yang perlu dipupuk serta keadilan yang saksama kepada semua tanpa mengambil kira orang Islam atau bukan Islam," katanya.

Sehubungan itu, Anwar yakin pengalaman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bakal membolehkannya melaksanakannya dan semua pihak harus memberi peluang dan kebebasan kepadanya untuk mengemukakan pandangan.

Anwar juga berkata, pelaksanaan undang-undang syariah adalah perkara dasar yang penting dan beliau berkongsi pandangan dengan Dr Mahathir mengenai kaedah dan pendekatan dalam melaksanakannya.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata, Dr Mahathir mahukan Malaysia muncul sebagai model negara Islam yang lengkap dengan kestabilan politik, pembangunan ekonomi serta pembangunan rohani dan jasmani dengan nilai yang mulia.

(END)